

SET 3

Soalan 1 hingga 5.

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Bulan Februari akan mempunyai _____ hari dalam masa tiga tahun ini.
 A dua B dua delapan
 C dua puluh lapan D dua lapan puluh

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Muhammad Zaki kehilangan _____ harta bendanya akibat rumahnya terbakar.
 A satu B Setiap
 C segala D masing-masing
- 3 Gerakan mencari _____ orang murid yang lemas di dalam sungai itu masih diteruskan oleh pasukan penyelamat.
 A separuh B sebahagian
 C kedua D Kedua-dua
- 4 _____ penghuni taman Bandar Pulau Jaya itu memasang jeriji besi pada tingkap dan pintu rumah mereka bagi tujuan keselamatan.
 A Segala B Semua
 C Sebilangan D Sekalian
- 5 _____ daripada buku-buku yang ada di dalam beg ini kepunyaan adik saya.
 A Pelbagai B Sebahagian
 C Semua D Sebilangan

Soalan 6 hingga 10.

Tandakan (✓) di dalam petak yang disediakan bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

- 6 Saadiah mengundang _____ orang rakan baiknya ke majlis hari jadinya.

para	
------	--

beberapa	
----------	--

setiap	
--------	--

- 7 Puan Rahmah perlu menyenaraikan _____ keperluan anaknya yang akan memasuki asrama.

setengah	
----------	--

segala	
--------	--

segelintir	
------------	--

- 8 Perempuan itu memberikan _____ alasan apabila disoal oleh Pak Hamid.

segala	
--------	--

pelbagai	
----------	--

segelintir	
------------	--

• MODUL ASPIRASI •

- 9 Peserta ekspedisi itu dijangka tiba di puncak Gunung Kinabalu _____ jam dari sekarang.

setengah	
----------	--

sesetengah	
------------	--

separuh	
---------	--

- 10 _____ halangan yang menimpa dirinya telah dapat diatasi dengan baik.

Seluruh	
---------	--

Segala	
--------	--

Para	
------	--

[5 markah]

Soalan 11 hingga 15.

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah

masing-masing	berhari-hari	sesetengah	setiap
seratus	para	ribuan	beberapa

- 11 Tarian zapin sedang dipersembahkan oleh _____ orang pelajar di pentas.
- 12 Setelah _____ sesat di hutan, akhirnya Pak Ayob berjaya menemukan jalan keluar.
- 13 Shally mengedar _____ keping kad undangan ke majlis perkahwinannya.
- 14 Gangguan bekalan air dijangka berlaku di _____ tempat kerana kerosakan di pusat loji air.
- 15 Walaupun tiada guru di dalam kelas, pelajar-pelajar itu tekun menyiapkan kerja _____.

[5 markah]